

3,350 hand sanitizer kepada *frontliners*

ARAU - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dan Pusat Kecemerlangan Penggunaan Biojisim bekerjasama menghasilkan 3,350 cecair pembasmi kuman untuk kegunaan petugas barisan hadapan kategori B40 di Perlis.

Naib Canselor UniMAP, Prof Ir Ts Dr R Badlishah Ahmad berkata, inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada projek Function of Science yang dikendalikan oleh Global Innovation through Science and Technology (GIST).

Beliau berkata, ia melibatkan kerjasama beberapa universiti untuk membantu meringankan beban petugas yang berkhidmat menangani pandemik koronavirus (Covid-19).

“Kesemua universiti terlibat menerima tajaan bahan mentah daripada badan korporat antaranya Lendlease, Yayasan MRCB, Tessolve Semiconductor, WWRC, Mayplas Packaging, Apical Scientific, MITR Mediservice dan Acme Chemical,” katanya semalam.

Katanya, UniMAP dan Universiti Utara Malaysia (UUM) terpilih untuk menyediakan produk cecair pembasmi kuman tersebut selain Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Kandungan cecair yang dihasilkan diselaraskan di kesemua universiti dan mematuhi garis panduan yang diberikan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO),” katanya.

Badlishah berkata, UniMAP amat berbesar hati untuk menyumbang tenaga kerja sukarela dan fasiliti dalam menghasilkan cecair berkenaan.

“Ia bertepatan dengan cogan kata universiti iaitu Kejuruteraan dan Teknologi untuk Kemanusiaan.

“Para penyelidik juga menggunakan kepakaran yang dimiliki untuk menghasilkan cecair tersebut dan pada masa sama menerapkan elemen kemanusiaan melalui edaran bahan tersebut secara percuma, terutama dalam kalangan petugas barisan hadapan yang memerlukan,” katanya.



Penyelidik UniMAP bersama cecair pembasmi kuman yang berjaya dihasilkan menerusi projek Function of Science yang dikendalikan oleh Global Innovation through Science and Technology (GIST).